

11 OCT 2001

OIC-Pelancongan

MESYUARAT PEGAWAI KANAN PELANCONGAN OIC SETUJU BINCANG PELAN TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Mesyuarat pegawai-pegawai kanan pelancongan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan mengemukakan sebuah pelan bersepadu untuk dibincangkan secara mendalam pada mesyuarat kedua Menteri-Menteri Pelancongan OIC yang bermula di sini esok.

Pengerusi mesyuarat itu, Shahril Saat, berkata pelan yang dipersetujui secara bersama itu meliputi tiga perkara utama iaitu kemudahsampaian, pemasaran serta pendidikan dan latihan.

"(Pelan) Kuala Lumpur Programme of Action (KLPA) ini adalah untuk merealisasikan Deklarasi Isfahan yang telah dibuat pada tahun lalu," katanya kepada pemberita selepas berakhirnya mesyuarat itu di sini hari ini.

Shahril yang juga Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata KLPA dijangka akan dapat membantu meningkatkan pembangunan sektor pelancongan negara-negara anggota OIC.

"Dengan adanya pelan tindakan ini, bukan saja menggalakkan lawatan antara negara-negara Islam tetapi mengurangkan masalah-masalah yang telah dikenalpasti," katanya.

Bagaimanapun katanya, KLPA hanyalah panduan kepada negara anggota untuk membentuk pelan individu masing-masing bagi melaksanakan sebarang keputusan yang akan dicapai dalam mesyuarat berkenaan.

"Misalnya kalau kita bersetuju kecualikan keperluan visa, maka setiap rakyat OIC yang melawat negara lain tidak perlukan visa...tapi ini perlukan pelan tersendiri bagi negara yang menerima pelancong tersebut," katanya.

Ditanya samada mesyuarat itu membincangkan mengenai isu keganasan, Shahril berkata ia dibangkitkan dan mesyuarat itu bersetuju untuk memasukkannya ke dalam resolusi.

"Kita mengambil perhatian bahawa soal keselamatan adalah isu penting membabitkan pelancongan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan persidangan dua hari yang akan disertai oleh perwakilan dari kira-kira 30 buah negara anggota OIC.

-- BERNAMA

NM MOZ